

Perubahan Tarikh Pembayaran Ansuran untuk akaun Pinjaman/Pembiayaan Hartanah / Hartanah-i / ASB-i

Kami ingin memberi anda notis mengenai perubahan berikut berhubung dengan pengiraan faedah/keuntungan efektif berkaitan dengan Kemudahan di atas yang dinyatakan di dalam jadual di bawah ("Semakan") berkuat kuasa mulai **Februari 2021**, sekiranya Tarikh Akhir Ansuran pembayaran untuk Kemudahan anda pada 1, 2 atau 3 hari bulan setiap bulan:

- 1) Semakan tarikh tempoh pembayaran untuk ansuran bulanan ("Tarikh Pembayaran Ansuran")

Tarikh Pembayaran Ansuran Sedia Ada	Tarikh Pembayaran Ansuran Setelah Disemak
Hari pertama, hari kedua, atau hari ketiga (1hb, 2hb, 3hb) setiap bulan	Hari keempat (4hb) setiap bulan

- 2) Semakan tarikh tempoh bayaran faedah/keuntungan efektif

Tarikh Akhir Tempoh Pembayaran Faedah/Keuntungan	Tarikh Tempoh Pembayaran Faedah/Keuntungan Efektif Setelah Disemak
Hari pertama, hari kedua, atau hari ketiga (1hb, 2hb, 3hb) setiap bulan	Hari keempat (4hb) setiap bulan

Untuk makluman, **jumlah ansuran bulanan sedia ada untuk akaun anda tetap tidak berubah.**

Andaian:

Jumlah Tunggakan Pembiayaan pada 31hb Januari 2021 ialah RM 500,000.00

Faedah / Kadar Keuntungan Efektif adalah 5.0%

Tarikh Matang (tarikh bayaran akhir) adalah pada 1hb Januari 2045

Ansuran Bulanan sebanyak RM3,000.00 akan dikenakan pada 1hb setiap bulan ("Tarikh Akhir ansuran Sedia Ada")

Apabila Tarikh Akhir Pembayaran Ansuran untuk Februari 2021 diubah dari 1hb hingga 4hb; kesan ke atas akaun anda adalah seperti berikut: -

(A) Jumlah ansuran yang berjumlah RM3,000.00 kekal tidak berubah.

(B) Faedah / keuntungan efektif dari 1hb hingga 3hb Februari 2021 (3 hari) akan dikira dan ditunjukkan dalam akaun anda tetapi bayaran faedah/keuntungan efektif akan ditangguhkan sehingga tarikh matang (tarikh pembayaran terakhir) ("Faedah/Keuntungan Efektif Tertunda"). Jumlah ini tidak akan dikenakan caj faedah / keuntungan efektif selanjutnya.

Pengiraan Faedah/Keuntungan Efektif Tertunda:

= Bilangan hari daripada 1hb hingga 3hb Februari 2021 / 365 x kadar faedah atau keuntungan efektif x Jumlah Pembiayaan Tertunggak

= 3 hari / 365 x 5% x 500,000

= RM205.48

Faedah/Keuntungan Efektif Tertunda perlu dibayar dan akan dibayar bersama dengan ansuran/ bayaran terakhir anda berkaitan dengan Kemudahan anda.

(C) Tarikh Matang (tarikh akhir pembayaran ansuran) akan dikemas kini pada 4hb Januari 2045.

Soalan Lazim

- a) Mengapa Bank mengubah tarikh pembayaran ansuran saya?
Keputusan untuk mengubah tarikh pembayaran dibuat bagi memudahkan pembayaran dan ia lebih bersesuaian dengan hari gaji untuk sebahagian segmen pelanggan kami.
- b) Bolehkah saya mengekalkan Tarikh pembayaran ansuran saya yang lama?
Tidak, kerana perubahan ini adalah untuk semua pelanggan kami.
- c) Adakah saya dikenakan faedah / keuntungan tambahan?
Tidak, faedah / keuntungan yang ditangguhkan sebanyak RM205.48 seperti yang dinyatakan di atas adalah faedah / keuntungan yang perlu dibayar kepada Bank tetapi ditangguhkan sehingga tarikh matang (tarikh pembayaran terakhir).
- d) Bilakah perubahan tarik pembayaran ansuran ini akan berkuatkuasa?
Ia akan berkuat kuasa dari Februari 2021.
- e) Apakah kesan perubahan tarikh pembayaran ansuran ini kepada saya?
Perubahan ini akan memberi kesan minima kerana kami hanya memanjangkan tarikh pembayaran dari 1hb setiap bulan hingga 4hb setiap bulan untuk memudahkan pembayaran daripada pelanggan kami.